

# Laman Tafaqquh

Jauhi Maksiat Untuk  
Mendapatkan  
Pertolongan Allah

Petikan wasiat Saidina Umar Al-khattab kepada ketua tenteranya iaitu Saad Bin Abi Waqas ketika beliau mengutuskannya untuk pembukaan Parsi :

“Aku memerintahkan kepada kamu dan mereka yang bersama-sama kamu supaya menjauhkan diri daripada maksiat kerana sesungguhnya dosa-dosa yang dilakukan oleh tentera Islam adalah lebih aku takuti daripada musuh-musuh Islam. Sesungguhnya orang-orang Islam telah mendapat pertolongan daripada Allah SWT disebabkan oleh kemaksiatan yang telah dilakukan oleh pihak musuh, jika bukan kerana hal itu, nescaya tidak ada bagi orang-orang Islam akan kekuatan”.

- **Umat Islam digesa menjauhkan diri dari segala jenis dosa dan maksiat kerana disebabkan oleh dosa dan maksiat akan melambatkan kemenangan dan pertolongan daripada Allah tidak akan sampai kepada kita.**
- **Sesuatu kegagalan antara lainnya berpunca daripada dosa dan maksiat yang dilakukan oleh diri kita sendiri.**
- **Dosa-dosa yang maksiat yang dilakukan ini akan menghalang pertolongan daripada Allah SWT yang merupakan sumber kekuatan umat Islam dalam sesuatu perjuangan.**
- **Oleh itu, kita sebagai pejuang dalam menegakkan sistem perbankan Islam haruslah sentiasa muhasabah diri dan saling ingat-mengingati supaya kita terhindar daripada segala dosa atau maksiat.**
- **Sesungguhnya, dosa dan maksiat yang dilakukan oleh kita sendiri adalah lebih berbahaya daripada dosa dan maksiat yang dilakukan oleh pihak musuh.**
- **Ingatlah bahawa pertolongan daripada Allah tidak datang secara percuma, hanya orang yang benar-benar layak sahaja berhak menerimanya**